

KELAS	10A	PENGAJARAN 2 HARI 39	
		TARIKH / HARI	12 OKTOBER 2021 SELASA
		PERIOD / MASA	5 10:40 - 11:30
KELAS	10B	PENGAJARAN 2 HARI 41	
		TARIKH / HARI	14 OKTOBER 2021 KHAMIS
		PERIOD / MASA	5 10:40 - 11:30
TOPIK	NOVEL PENGABDIAN BAB PENUTUP		
SUB TOPIK	PERISTIWA, SINOPSIS		
KEHADIRAN			
10A : / 14 TH:		10B : / 5 TH:	

OBJEKTIF PEMBELAJARAN	Pelajar-pelajar dapat menghuraikan isi kandungan Bab Penutup NP dengan lengkap.	PENGAJARAN BARU	PENGAJARAN SAMBUNGAN	/	
KRITERIA OBJEKTIF	<p><b>PELAJARAN 2</b></p> <p>Pelajar-pelajar dapat :-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengisikan watak, perwatakan, tempat, masa &amp; peristiwa di tempat-tempat kosong dengan tepat.</li> <li>2. Memadankan ayat-ayat peristiwa menjadi sebuah peristiwa dengan lengkap.</li> <li>3. Menyusun atur peristiwa-peristiwa mengikut urutan bagi perenggan 3 dengan betul.</li> </ol>	SUMBER	P2	PENILAIAN	
KEMAHIRAN PELAJAR	Berfikir, Menjawab, Analisis, Imbas Kembali, Hubung kait, Memadankan / Mencantumkan, Memahami, Membaca, Mentafsir.	Novel Pengabdian Bab Penutup (m/s:171-173)	/	Isi Tempat kosong	/
		Nota rujukan NP oleh TR SBC Sastera.	/	Memadankan peristiwa	/
				Menyusun Peristiwa	/

KATA KUNCI	SUMBER	PENILAIAN BAGI PEMBELAJARAN	PENGAJARAN ABAD KE-21	TAKSONOMI BLOOMS	
Hari Kebangsaan	/ BUKU TEKS	/ IMBASAN PENGAJARAN LALU	/ PEMIKIRAN KRITIS	MENGHASILKAN / CREATING	C
Perbarisan stadium	/ NOTA	/ KUIZ / UJIAN MINI	/ KERJASAMA	MENILAI / EVALUATING	E
Kaca televisyen dikelilingi buku 300 muka surat	/	/ PEMBENTANGAN	/ KOMUNIKASI	ANALISIS / ANALYZING	A
Usaha gigih permintaan gembira wakil jemputan	/	/ MAIN PERANAN	/ PEMIKIRAN KREATIF	APLIKASI / APPLYING	AP
Meraikan di rumah 12:00 tengah hari jemputan malam	/	/ PAPAN PUTIH MINI	/ TEKNOLOGI INFO KOMUNIKASI	MEMAHAMI / UNDERSTANDING	U
12:00 malam penghormatan terakhir hujan setiap ptg	/	/ KAJIAN / ANALISIS	/ BACAAN / KOMUNIKASI	MENINGAT / REMEMBERING	R
Percetakan penjualan yayasan	/	/ SUSUNAN GRAFIK	/ INTREPETASI DATA		

**Kesusasteraan Melayu HBL Minggu 9 Pengajaran 2 Minggu 41**  
**MENYUSUN PERISTIWA PERENGGAN 3**

- Arahan: (1) Susun peristiwa-peristiwa berikut mengikut urutannya hingga menjadi perenggan 3 yang lengkap.  
 (2) Terdapat 12 ayat bagi perenggan 3.  
 (3) Sila rujuk BUKU TEKS BAB PENUTUP sahaja.

**PERENGGAN 3**

Faisal menyesal kerana telah meninggalkan isterinya untuk menghadiri upacara perbarisan pada pagi itu.

Siti Nur berharap supaya adik-adiknya itu akan menjadi perwira bangsa yang tahu akan tanggungjawab mereka.

Dr Douglas, rakan-rakan sejawatan, perempuan tua, Syamsul/Shamsul, ayah Shamsul, Junaidah, orang tua Junaidah, Syukri, Khalid, Faridah, Azmil, saudara-mara menghadiri majlis pengkebumian Siti Nur dalam keadaan hujan yang turun dengan rintik-rintik.

Faisal telah menguruskan percetakan dan penjualan buku arwah isterinya, hasil dari penjualan itu telah didermakannya ke tabung anak-anak yatim di Brunei.

Siti Nur merasa pening dan sempit/sesak nafas pada jam 12:00 tengah hari, 23 Februari 1984 itu sehingga adiknya Hadi mengangkat kakaknya itu ke bilik tidurnya.

Faisal dengan pakaian Melayu berwarna biru air laut (baju teluk belanga yang dijahit oleh Siti Nur untuk majlis pengislaman Samuel) berdiri sambil bertafakur dalam keadaan hujan itu, memecakkan sepuput bunga mawar merah ke tanah perkuburan itu apabila orang ramai beransur-ansur pulang.

Faisal tidak mahu makan seharian itu kerana menjaga isterinya yang tidak mampu bersuara dan bibir yang pucat.

Fatimah cemas, mengurut-urut dada Siti Nur, ahli keluarga yang lain (Marof, datuk, Zul, Marina, Zain, Hadi dan Zamri) cemas dan berdiri di sisi katil Siti Nur.

Faisal juga telah mendirikan sebuah yayasan dengan bantuan ibu bapanya iaitu Yayasan Siti Nur untuk membantu orang-orang yang kurang bernasib baik di Negara Brunei Darussalam.

Faisal tidak mahu menghadiri jemputan majlis makan malam sempena upacara Hari Kebangsaan itu selepas mengetahui keadaan isterinya itu.

Siti Nur telah menghembuskan nafasnya (meninggal dunia) tepat jam 12:00 tengah malam 24 Februari 1984, dalam usia 32 tahun.

Faisal berada di tanah perkuburan isterinya yang tertulis Dayang Siti Nur Binti Marof, 1372 -1404 Hijrah bersamaan 1952-1984 itu pada setiap petang hingga hampir waktu senja (malam).

**MARKAH : / 24**





